

Boleh menang di Kelantan

BN yakin dapat dua pertiga

BM 21 OCT 1990

Oleh MAHFAR ALI

JITUA: Barisan Nasional (BN) yakin mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihanraya umum kali ini, kata pengurusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita sudah berusaha seberapa yang boleh serta membuat penilaian. Bagi kita, tidak ada sebab BN tidak boleh dapat kemenangan dua pertiga," katanya kepada pemberita selepas meninjau bilik gerakan BN di sekitar kawasan Parlimen Kubang Pasu, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang mengakhiri lawatannya ke seluruh negara semalam, tiba di sini kelmarin setelah melawat Pulau Pinang dan Perlis.

Beliau berkata tindakan Parti

Bersatu Sabah (PBS) yang disifatkannya sebagai belot, tidak menjejaskan peluang BN mengekalkan majoriti dua pertiga.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun ada sedikit masalah kerana faktor luar biasa di Kelantan, beliau tetap yakin BN juga boleh menang di negeri itu.

Katanya, berdasarkan maklumat yang diterima, ahli Pas kini menganggap Semangat 46 menyeleweng dan perjuangan Semangat 46 tidak sesuai dengan dasar Pas.

Menurutnya, ahli Pas juga berasa tertipu dan mereka tidak akan mengundi Semangat 46.

Menjawab soalan lain, Datuk

Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak menimbulkan isu agama dalam kempen pilihanraya umum ini.

Tetapi katanya, kerajaan tidak boleh menghalang orang ramai menyuarakan pandangan masing-masing mengenai perkara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun yakin masalah itu dapat diselesaikan selepas pilihanraya ini, tetapi kerajaan perlu mendapat majoriti besar.

Beliau juga yakin masalah Sabah dapat diselesaikan kerana Kerajaan Pusat pernah menghadapi masalah dengan Kelantan.

"Kita akan terangkan kepada rakyat Sabah mengenai kebaikan negeri itu berada dalam Malavsia," katanya.

Menurutnya, sejak PBS menjadi kerajaan, parti itu memupuk semangat bencikan Kerajaan Pusat di kalangan penduduk Sabah untuk menimbulkan perselisihan di antara orang Sabah dan Semenanjung.

Sehubungan itu, beliau berkata Umno memang sudah lama berusaha menyatukan orang Melayu dalam satu parti kerana perpecahan di kalangan bangsa Melayu tidak membawa faedah.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Gerakan juga mempunyai hak untuk berkembang ke Sabah.

Menurutnya, keputusan Gerakan menubuhkan parti itu di Sabah menunjukkan Gerakan tidak mahu lagi bekerjasama dengan PBS.